

## Untuk Siaran Segera



### **LARIAN PERPADUAN ASPIRASI #PR1MAKITA PUPUK KEHARMONIAN DAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI**

**IPOH, 2 DISEMBER** – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), yang merupakan agensi perumahan utama di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), telah menganjurkan Larian Perpaduan Aspirasi #PR1MAKita hari ini secara serentak di Ipoh, Perak; Seremban, Negeri Sembilan; dan Johor Bahru, Johor. Larian ini telah menarik penyertaan seramai lebih daripada 7,000 orang untuk keseluruhan lokasi, meliputi penduduk Residensi PR1MA serta masyarakat sekitarnya.

Sesi '*flag-off*' Larian Perpaduan ini telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming di Perak, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Haji Akmal Nasrullah Mohd Nasir di Johor, dan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Negeri Sembilan, YB Tuan Arul Kumar A/L Jambunathan di Negeri Sembilan.

“Acara seperti Larian Perpaduan anjuran PR1MA ini penting untuk memperkukuh ikatan penduduk PR1MA khususnya, dan masyarakat Malaysia secara amnya. Saya berbesar hati melihat bagaimana aktiviti hari ini mencerminkan dedikasi PR1MA untuk mewujudkan keterangkuman sosial dengan berjaya menarik penyertaan orang ramai daripada pelbagai latar belakang dan peringkat usia. Pendekatan inklusif ini menyokong aspirasi MADANI untuk memupuk nilai ihsan sesama ahli komuniti, justeru menerapkan semangat perpaduan di kalangan Rakyat Malaysia,” kata YB Tuan Nga Kor Ming.

Menurut Pengerusi PR1MA, YBhg. Datuk Azrulnizam Abdul Aziz, “Larian Perpaduan ini merupakan inisiatif penting untuk mempromosi gaya hidup lebih sihat di kalangan penduduk Residensi PR1MA demi kesejahteraan holistik. Program ini juga adalah sebahagian daripada peranan PR1MA dalam mencapai aspirasi negara untuk memupuk ikatan kukuh di antara masyarakat majmuk, di samping menyediakan perumahan mampu milik dan berkualiti tinggi buat rakyat Malaysia. Saya yakin kita akan dapat meneruskan inisiatif komuniti seperti ini di projek-projek pembangunan yang akan datang, seperti Bandar Mini PR1MA, bagi mewujudkan hubungan kemasyarakatan yang utuh di semua projek dan pembangunan PR1MA”.

Larian Perpaduan ini juga bersifat serampang dua mata di mana ia turut bertujuan untuk mempergiat usaha pemasaran dan jualan khusus bagi Residensi Meru di Ipoh, Residensi Seremban Sentral di Seremban, Residensi Larkin Indah di Johor Bahru, serta residensi-residensi PR1MA lain di seluruh negara.

Bersempena dengan Larian Perpaduan ini, PR1MA mengadakan promosi khas bagi mereka yang ingin membeli rumah PR1MA, di mana mereka boleh mendapat Pakej Internet PERCUMA selama enam bulan bersama PR1MA Communications Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Perbadanan PR1MA Malaysia jika mereka menempah rumah bermula 2 Disember sehingga 31 Disember 2023. Promosi ini hanya boleh diguna pakai untuk penempahan rumah di tiga Residensi terpilih sahaja, iaitu Residensi Meru di Ipoh, Residensi Seremban Sentral di Seremban, dan Residensi Larkin Indah di Johor Bahru.

Semasa program yang sama, YB Tuan Nga Kor Ming turut melancarkan inisiatif Bomba Komuniti PR1MA. Inisiatif hasil kolaborasi bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) ini bertujuan untuk memberi latihan kebombaanan asas kepada penduduk, bagi mempersiapkan diri jika berlakunya kecemasan di residensi mereka. Bomba Komuniti PR1MA antara lain juga berfungsi sebagai pengantara di antara JBPM dengan mangsa kebakaran bagi tindakan susulan dan bantuan seperti mendapatkan maklumat dan laporan serta membantu *One Stop Centre* JBPM.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif dan Anggota Perbadanan PR1MA, YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri Md. Shariff, "PR1MA amat berbesar hati bekerjasama dengan jabatan dan agensi lain di bawah KPKT seperti JBPM ini bagi memperkasa ilmu dan kemahiran di kalangan komuniti PR1MA. Peranan PR1MA bukan sekadar membina rumah, namun turut menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima prinsip Aspirasi #PR1MAKita iaitu Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana".

PR1MA turut menganjurkan aktiviti-aktiviti sampingan semasa Larian Perpaduan ini sesuai untuk penyertaan seluruh keluarga dan setiap lapisan masyarakat. Program ini juga berjaya menghimpunkan para penduduk di Residensi PR1MA terlibat, bersama dengan pihak berkepentingan tempatan dan orang ramai daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA atau promosi, sila layari laman web PR1MA di [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my) atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada hari umum di Negeri Selangor) atau emel kepada [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

**-TAMAT-**

---

### **Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)**

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) iaitu salah sebuah agensi perumahan utama di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 dan bertanggungjawab di dalam pembangunan kediaman mampu milik berkualiti tinggi untuk rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA dibina dengan konsep holistik, iaitu turut memberi penekanan kepada pembangunan komuniti lestari.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep "Rumah Kita, Komuniti Kita" menekankan kehidupan masyarakat yang moden

dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

**Perspective Strategies**

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

**PR1MA**

Khairul Faizi Dalail (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)